

KELUARAN KHAS



Variasi Perniagaan



Kima emas penawar hati

Produk Golden Clam kaya protein, asid amino, kolina, karbohidrat, zink dan fosforus

>>Oleh Syarifah Dayana
Syed Bakri
dayana@hmetro.com.my

PENYAKIT seperti kencing manis, darah tinggi, hepatitis A, B atau C sering dikaitkan berpunca daripada kegagalan fungsi organ tertentu, namun secara dasarnya semua penyakit berpunca daripada hati.

Penyakit hati yang baik akan menjadikan semua organ dalam tubuh berfungsi sempurna kerana hati sebagai organ utama, bekerja dengan baik.

Kajian mendapat hampir 80 peratus penyakit tidak menunjukkan simptomnya berpunca daripada hati tetapi itu tidak bermakna organ berkenaan tidak perlu dijaga dengan baik bagi mengelak penyakit lebih memudaratkan.

Bukan sebarang produk boleh digunakan sebagai 'makanan' hati sebaliknya ia memerlukan pelbagai zat yang boleh diambil daripada banyak sumber.

Namun, adalah berbaloi jika kita membeli pelbagai produk yang menelan belanja ribuan ringgit hanya untuk penjagaan satu organ?

Menyedari kepentingan penjagaan hati, Bio Greeno Sdn Bhd, syarikat pengeluar produk kesihatan memperkenalkan Golden Clam, produk diekstrak daripada kima emas.

Kima adalah sejenis hidupan air tawar yang kaya dengan pelbagai khasiat, termasuk protein, asid amino, kolina, karbohidrat, zink dan fosforus.

Istimewanya kima emas ini diteroka secara organik dan hanya diberi makan spirulina malah lokasi perternakan yang bersih dan terpelihara daripada pencemaran menjadikan khasiat kima tiada bandingan.

Perunding Kesihatan Bio Greeno, Dr Zulkifli Ahamed, berkata pihaknya sudah melakukan 208 ujian dan mendapat Golden Clam selamat diguna sama ada untuk mereka yang mempunya-



LARIS...Eng (tengah) bersama Dr Zulkifli (kanan) dan Pengarah Pemasaran Bio Greeno, Zahayu Yusof menunjukkan produk Golden Clam.

penyakit atau tidak.

"Hati yang sihat akan menjadikan tubuh terpelihara daripada penyakit. Maka, untuk kekal sihat kita perlu menjaga hati dan pastikan ia diberi makanan yang sepatutnya.

"Golden Clam adalah produk yang tepat untuk hati kerana ia mengandungi pelbagai zat diperlukan, malah boleh diambil bukan saja untuk mereka yang menghadapi penyakit kronik serta mereka yang mahu

mengekalkan kesihatan," katanya.

Menurutnya, ramai pengguna Golden Clam dan mereka beransur pulih, malah ada yang tidak percaya dengan keadaan kesihatan mereka selepas mencuba produk berkenaan.

"Kami pernah membantu seorang pesakit berusia 70 tahun yang mengalami kanser hati tahap kritis. Menurut cucunya, perbezaan boleh dilihat selepas 10 hari dia mengambil produk ini.

"Selepas tiga bulan mengamalkan Golden Clam, lelah berkenaan sihat dan boleh melakukan aktiviti harian seperti biasa," katanya.

Dr Zulkifli berkata, mereka yang tidak mempunyai penyakit juga boleh mengamalkan produk berkenaan sebagai makanan tambahan untuk mengekalkan kesihatan.

"Tidak perlu lagi suntikan vitamin C atau Botox kerana produk ini boleh membantu kulit anjal dan cantik," katanya. Menurutnya, tidak seperti

produk lain, Golden Clam boleh diminum wanita mengandung malah manfaatnya juga akan diperoleh bayi dalam kandungan," katanya.

Dalam pada itu, Ketua Pegawai Eksekutif Bio Greeno, Eng Wee Sian, berkata tiada tempat lain menghasilkan kima emas itu selain di Lembah Hua Lien, Taiwan, menjadikan produk berkenaan sangat istimewa.

"Walaupun kima boleh didapati di Malaysia, ia tidak sama dengan ditemak di Taiwan kerana dihasilkan di kawasan penggunaan yang bersih dan tiada pencemaran," katanya.

Dengan harga RM148 setiap kotak mengandungi 60 tablet, produk ini mampu memberikan kepuasan kepada pengguna kerana satu tablet diekstrak daripada 100 kima.

Mereka berminat mencuba produk boleh menghubungi talian 03-80637889 atau nasihat kesihatan daripada Dr Zulkifli di talian 012-6357738.